

21 JUN 1998

Polis-Buku

POLIS TERIMA LAPORAN BERHUBUNG BUKU MENGENAI ANWAR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Kamarudin Md Ali hari ini mengesahkan satu laporan polis berhubung buku yang memfitnahkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dibuat di Balai Polis Dang Wangi Jumaat lepas.

Bagaimanapun, beliau enggan memberitahu siapa yang membuat laporan itu.

Laporan itu dibuat pada hari pertama Perhimpunan Agung Umno selepas buku "50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri" itu dijumpai dan siasatan sedang dijalankan oleh Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur, katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen pencegahan jenayah di Cheras di sini.

Polis setakat ini belum menahan sesiapa berhubung kes itu, katanya.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, mendapat perintah injunksi interim daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Rabu lepas terhadap penulis dan penerbit buku berkenaan.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh peguamcara Anwar, Tetuan Faiz and Co., menamakan Khalid Jafri sebagai penulis dan Media Pulau Legenda sebagai penerbitnya.

Buku mengenai Anwar itu mendapat perhatian hangat para perwakilan Umno semasa membahaskan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung itu yang berakhir hari ini.

Perwakilan Umno Negeri Sembilan Ruslan Kassim semalam mendakwa orang Umno sendiri yang menjadi petualang menyebarkan buku yang mengandungi fitnah untuk menjatuhkan negara.

Ruslan, yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno Negeri Sembilan, berkata bukti-bukti mengenai dakwaannya akan dikemukakan kepada Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tindakan lanjut.

-- BERNAMA

YBK AKD